

ISSUE #53/31 OGOS 2025

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION

A photograph showing four individuals—three young boys and one adult man—standing on a bridge. They are leaning over the concrete railings, looking towards a white car that is driving away from them. The background features a lush green forest under a clear sky. The scene is set during the day, with sunlight illuminating the subjects and the surrounding environment.

ABAH SAYA  
UNCLE MIKE

KISAH BENAR TENTANG CINTA TANPA SEMPADAN



CNVFILM 200 PLUS

► 022520

CNVFILM 200 PLUS

# "Kita Semua Satu Bangsa, Jangan Takut Buat Baik" – UNCLE MIKE

Mula masuk pawagam sejak 28 Ogos, filem Abah Saya Uncle Mike bukan sekadar sebuah naskhah drama, tetapi sebuah perjalanan emosi yang sarat dengan mesej kekeluargaan, perpaduan dan nilai kemanusiaan.

Diadaptasi daripada kisah benar Michael Tong Wai Siong, atau lebih mesra disapa Uncle Mike, filem arahan Ezrie Ghazali ini berjaya mengangkat pengorbanan luar biasa seorang lelaki berketurunan Tionghua yang membesar dan tiga anak yatim piatu Melayu dengan penuh kasih sayang, lengkap dengan bimbingan rohani dan penghormatan terhadap agama Islam.

## **Uncle Mike - "Saya Menangis Dalam Panggung..."**

Tayangan perdana filem ini menjadi momen penuh emosi buat Uncle Mike sendiri. Duduk di kerusi penonton, beliau seakan dibawa semula mengimbau perjalanan hidupnya apabila lakonan Andy Teh terlalu dekat dengan realiti.

"Saya nak bagi 10 per 10 sebab tiba-tiba rasa macam saya sendiri ada dalam layar tu bila Andy melakonkan watak saya."

"Anak saya kat sebalah pun pelik tengok saya menangis. Tapi memang susah nak tahan sebab feel dia betul-betul sampai," ujarnya sebak.

Lebih daripada sekadar tontonan, Uncle Mike berharap mesej yang cuba disampaikan filem ini benar-benar meresap ke hati masyarakat.

"Kita sebagai rakyat Malaysia jangan takut untuk berbuat baik kepada sesiapa pun. Harapan saya, ia jadi cerita inspirasi bahawa kita semua satu bangsa, tak ada beza," katanya lagi.



### **Andy Teh: Dari Watak Antagonis ke Figura Seorang 'Abah'**

Pelakon Andy Teh, yang sebelum ini sering sinonim dengan watak antagonis, menggalas cabaran besar apabila diberi tanggungjawab membawa watak utama sebagai Uncle Mike.

Jujurnya, Andy mengakui bimbang jika lakonannya gagal memberi keadilan kepada figura sebenar.

"Saya banyak menyendiri sebelum penggambaran, cuba buang bayangan antagonis. Nak jadi seorang ayah yang penyayang, bukan penjahat lagi," katanya.

Lebih menyentuh, Andy sanggup mempelajari asas bacaan al-Quran dan cara solat untuk memahami sisi rohani yang membentuk karakter Uncle Mike.

"Adalah sikit saya belajar surah Al-Nas, belajar Alif Ba Ta... bukan untuk berlakon saja, tapi untuk faham bagaimana nak respon kalau anak-anak angkat saya baca salah. Bagi saya, itu sangat penting untuk hayati watak," jelasnya.

### **Idan Aedan - "Rasa Takut Hilang Lepas Jumpa Uncle Mike"**

Membawa watak Rafie, anak sulung yang penuh tanggungjawab dan emosi terpendam, Idan Aedan mengakui berdebar pada awalnya.

"Memang sangat takut nak bawa watak Rafie, tapi selepas jumpa Uncle Mike dan anak-anaknya, perasaan tu hilang. Mereka sangat terbuka dan banyak jawab soalan saya. Dari situ, saya dapat rasa semangat sebenar watak ni," katanya.

Bagi Idan, isi filem ini cukup menyentuh hati kerana ia menekankan bahawa nilai kemanusiaan jauh lebih besar daripada segala perbezaan.

"Uncle Mike ajar kita sesuatu yang sangat indah. Walaupun dia bukan Muslim, dia tetap membesarakan tiga anak Islam dengan penuh kasih sayang. Dari situ kita sedar, kasih sayang itu tak kenal bangsa, tak kenal agama, yang penting kita saling menyayangi," katanya.



022820

CNVFILM 200 PLUS



022820

CNVFILM 200 PLUS

## Nor Merah & Umar Shakur, Generasi Muda Yang Bersinar

Dua pelakon muda, Nor Merah (sebagai Rasyid) dan Umar Shakur (sebagai Rahman), turut diberi peluang menyerlah.

Bagi Nor Merah, pengalaman pertamanya membawa watak utama dalam filem benar-benar mencabar kerana sebelum ini dia hanya terbabit sebagai pelakon tambahan.

"Saya banyak kaji lakonan watak-watak rebel dalam filem lain, kemudian cuba ambil sedikit gaya mereka. Lepas tu saya gabungkan dengan diri saya sendiri sebab kebetulan saya pun anak kedua macam Rashid. Ada jugalah perangai nakal tu, tapi tak sepenuhnya," katanya.

### Umar pula lebih serius dalam pendekatannya.

"Kami ikut kelas lakonan lebih sebulan, buat nota, dan jumpa Rahman sebenar. Dari situ saya tiru cara dia bercakap, intonasi, gerak-geri. Harapnya dapat hidupkan watak Rahman dengan jujur," jelasnya.

Anak-Anak Angkat Uncle Mike - Emosi Yang Tak Pernah Padam

Menonton kisah mereka sendiri di layar lebar sememangnya membuka luka lama buat Rafie, Rasyid dan Rahman yang kini sudah dewasa.

Rafie yang juga anak sulung mengakui hatinya sebak sejak mula tayangan, lebih-lebih lagi kerana hubungan eratnya dengan Uncle Mike sejak kecil.

"Menangis juga tengok filem ni, tapi diam-diam sebab saya jenis simpan rasa. Lakonan Idan memang terbaik, betul-betul

dekat dengan diri saya. Terima kasih Uncle Mike, kalau tak ada dia, saya tak tahu jadi apa," luah Rafie.

Sementara itu, Rasyid pula menekankan mesej utama filem berjudul Abah Saya Uncle Mike bukan sekadar hiburan semata-mata.

"Filem ni sebenarnya highlight kasih sayang sesama manusia tanpa kira bangsa atau agama. Itu mesej paling penting yang saya harap sampai kepada penonton," ujarnya.

### Manakala Rahman nyata paling terbuka dengan emosinya.

"Saya menangis dari mula sampai habis. Ingat balik masa duduk asrama, berpisah dengan abang-abang. Memang susah nak tahan. Filem ni buat saya rasa balik semua momen tu," katanya sebak.

### Kisah Benar Yang Jadi Inspirasi

Abah Saya Uncle Mike bukan hanya sebuah filem, tetapi cerminan kasih sayang tanpa syarat yang merentas perbezaan.

Dengan arahan kemas Ezrie Ghazali, sinematografi indah serta lakonan penuh jiwa daripada barisan pelakon, ia menjadi bukti bahawa cinta sejati tidak mengenal warna kulit, darah daging maupun agama.

Lebih bermakna, dedikasi Uncle Mike turut mendapat pengiktirafan apabila beliau menerima Anugerah Maulidur Rasul 2024 daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, menjadikan kisah hidupnya bukan sekadar sejarah peribadi, tetapi inspirasi nasional.

Seperti kata Uncle Mike sendiri, "Kita semua satu bangsa, tiada perbezaan. Jadi, jangan takut untuk berbuat baik."



## Siti Nurhaliza, Abang Bomba & ATM Sado Tarikan Perbarisan Hari Kebangsaan ke-68

Sudah menjadi satu acara tahunan setiap kali tiba 31 Ogos, Malaysia akan merayakan kemerdekaan dengan perbarisan Hari Kebangsaan yang diadakan di seluruh negeri.

Namun beberapa tahun kebelakangan ini, selain istiadat ketenteraan, persembahan pentas dan perarakan warna-warni yang menggambarkan aspirasi Malaysia, penonton dan masyarakat tertarik dengan kelibat anggota bomba bertubuh kekar atau sado.

Jika sambutan Hari Kebangsaan sebelum ini abang bomba sado berjaya mencuri perhatian, untuk sambutan ke-68, tarikan bertambah hangat. Apakah tarikan itu?



### Abang Sado ATM

Perbarisan Hari Kebangsaan ke-68 akan disertai oleh abang sado daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ya, kehadiran mereka tentu sahaja bukan menggugat tetapi akan menjadikan acara tahunan yang sangat dinantikan rakyat Malaysia bertambah meriah.

Kelibat abang sado dari ATM telah menjadi tular saat mereka menjalani raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di Putrajaya telah mencuri tumpuan.

BERNAMA melaporkan 23 atlet bina badan ATM termasuk lapan daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), menyertai acara perbarisan tahun ini dalam usaha memperkenalkan bakat bina badan yang ada dalam pasukan berkenaan yang telah ditubuhkan sejak 1998.

### Abang Bomba Sado

Abang Sado bomba daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dijangka akan terus menjadi perhatian pada Perbarisan Hari Kebangsaan ke-68.

Ingin lagi aksi mereka sangat sporting melayan penonton dengan memperaga badan kekar? Nampaknya abang bomba sado akan ada saingan apabila 'geng' ATM ikut memeriahkan perbarisan disertai oleh abang Dataran Putrajaya.

Tak sabar juga kita nak lihat kan!

### Siti Nurhaliza

Ya! Sambutan kemerdekaan tahun ini akan menyaksikan ribuan rakyat berbilang bangsa dan kaum serta lapisan usia menikmati indahnya alunan suara biduanita Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Siti Nurhaliza dengan suara merdu akan mendendangkan Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni sebelum perarakan masuk bermula.

Sebanyak 81 kontjen melibatkan 14,062 pesrya akan mengambil bahagian dalam perarakan dan perbarisan, yang turut menampilkan 21 pasukan pancaragam, tujuh kereta berhias, 508 aset udara dan darat serta 116 ekor haiwan dalam perkhidmatan awam.

## Minggu Pertama TTMM, Dato Alif & Amayan Buat Post Mortem 'Pecah Teruk'

Program terbaru Astro, Talk To My Manager (TTMM) terus mencuri perhatian apabila episod sulungnya membuka tirai pada 24 Ogos lalu di Astro Ria (saluran 104) jam 9 malam.

Dengan konsep legasi hiburan keluarga, penonton disajikan dengan 'pertembungan' pasangan anak-beranak yang masing-masing sudah mempunyai empayar dan jenama tersendiri dalam industri seni tanah air.

Lebih istimewa, TTMM bukan sekadar program hiburan tipikal. Ia mengetengahkan elemen ilmu dan inspirasi melalui pendedahan bakat terpendam si anak yang digilap menjadi produk, serta pengendalian urusan kerjaya oleh bapa atau ibu selaku pengurus.

Antara peserta yang terlibat termasuklah pasangan ibu-anak Siti Saerah - Amad, Sharifah Shahirah - Audrra, Sharifah Zarina - Athalia, Liza Hanim - Marsya dan Ina Naim - Hadie, serta pasangan bapa-anak Ameng - Ammar, Shuib - Thalita dan Aziz M. Osman - Ara Aziz. Barisan ini sahaja sudah cukup untuk menjanjikan kelainan.

Namun, bukan hanya peserta yang menjadi bualan pada episod perdana. Kehadiran Datuk Seri Aliff Syukri bersama anak lelakinya, Ammar Ahyan atau lebih dikenali sebagai Amayan, turut mencuri tumpuan apabila mereka diberi mandat mengendalikan Post Mortem TTMM yang bersiaran pada jam 11 malam.

Perbezaan karakter dua beranak ini jelas menjadi tarikan utama. Aliff tampil dengan gaya bersahaja dan 'kecoh' sehingga beberapa kali tersulut ketika mengacara, manakala

Amayan kekal tenang dan serius membaca skrip sewaktu berinteraksi dengan peserta. Kontras gaya mereka menjadikan Post Mortem TTMM benar-benar 'pecah'.

Di media sosial, ramai warganet terhibur dengan gelagat pertama kali mereka bergandingan di kaca TV selepas mencetus fenomena melalui siaran langsung jualan produk di TikTok.

Antara komen yang mencuri perhatian datang daripada pemilik akaun @seyka.loy:

"Lawak post mortem Talk To My Manager part Datuk Syafinaz. Tiba-tiba Amayan terus bagi salam kat Datuk Syafinaz masa tengah komen. Lepas tu part Liza Hanim suruh panggil aunty, Amayan tetap nak panggil puan ikut kad pengacara."

TTMM menampilkan format penjurian 100% oleh juri tetap pada minggu pertama. Untuk minggu kedua dan seterusnya, penonton boleh mula mengundi di laman Astro Gempak.

Program ini dikendalikan pengacara legenda, Datuk Aznil Hj. Nawawi (Pak Nil), bersama barisan juri hebat iaitu Che Puan Sarimah dan Datuk AC Mizal.

Berlangsung selama tujuh minggu, Talk To My Manager akan bersiaran setiap Ahad jam 9 malam di Astro Ria (saluran 104) secara langsung dari Auditorium MBSA Shah Alam. Penonton juga boleh menstrimnya secara On Demand di aplikasi Astro GO dan sooka.




# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Hadrah Daeng Ratu  
Pelakon: Michelle Ziudith, Arbani Yasziz, Tissa Biani, Miqdad Addausy  
Genre: Drama

Assalamualaikum Baitullah mengisahkan Amira, seorang wanita yang hidupnya hancur akibat pengkhianatan dan kehilangan. Ia melakukan perjalanan spiritual ke Tanah Suci untuk menemukan kembali Tuhan dan dirinya sendiri, didorong oleh kekuatan doa dan dukungan sesama perempuan. Melalui perjalanan ini, Amira bangkit dari keterpurukan dan menemukan tujuan hidup baru, membuktikan bahwa luka dapat menjadi pintu menuju kebangkitan.



Pengarah: Tushar Jalota  
Pelakon: Sidharth Malhotra, Janhvi Kapoor, Sanjay Kapoor  
Genre: Komedи/Romantik

Di perairan tenang dan indah di Kerala, seorang lelaki dari Utara India dan seorang wanita dari Selatan India menemui cinta yang tidak disangka. Perbezaan budaya mereka mencetuskan kisah romantis yang kelakar dan penuh huru-hara, dipenuhi pelbagai kejutan yang menguji hubungan mereka. Pertemuan dua dunia berbeza ini akhirnya membawa sebuah kisah penuh kehangatan dan menyentuh hati.



Pengarah: Shen Ao  
Pelakon: Liu Haoran, Gao Ye, Daichi Harashima, Eric Wang  
Genre: Thriller

Dalam Peristiwa Nanjing 1937, demi menyelamatkan nyawanya, seorang posmen bernama Ah Chang berpura-pura menjadi jurugambar di sebuah studio foto dan menghasilkan gambar untuk tentera Jepun. Pada masa yang sama, dia turut menjadikan studio tersebut sebagai tempat perlindungan sementara sekumpulan orang awam dan tentera China. Berdepan kekejaman tentera Jepun, Ah Chang sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk memindahkan para pelarian dengan selamat serta mendedahkan bukti pembunuhan beramai-ramai itu kepada umum.

## Lagu Bella Astillah & Ade Govinda Dominasi Carta, Hilang Dalam Rindu Drama Paling Trending!

Carta mingguan Gempak Most Wanted menyaksikan 'Lebih Indah Berpisah' nyanyian Bella Astillah & Ade Govinda kekal di tangga teratas, manakala ALPHA dengan 'Mona Lisa (Bang Bang)' terus viral di tempat kedua.

Muzik video 'Kisah Penuh Kecewa' nyanyian Ernie Zakri dan Anggi Marito menduduki tangga pertama Video Muzik Trending minggu ini.

Dunia drama pula dikuasai 'Hilang Dalam Rindu', sementara Jazmy Juma melonjak sebagai selebriti trending nombor satu menewaskan nama besar seperti Meerqueen dan DOLLA.

Dalam kategori kreator digital, Sekys (Sports), Wani Faizun (Lifestyle), Shabina (Entertainment) dan Elina Aisyah (Beauty & Fashion) mengungguli carta.

Hos legenda Datuk Aznil Haji Nawawi pula kekal relevan dengan kedudukan nombor satu dalam kategori hos digital.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### TOP 5 Lagu Trending

1. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda
2. Mona Lisa (Bang Bang) - ALPHA
3. Arah Cinta Sejati - Fadhilah Intan & Aina Abdul
4. Seni Berdamai Dengan Takdir - Adnin Roslan ft Naim Daniel
5. Menamakanmu Cinta - Dato' Sri Siti Nurhaliza, Ade Govinda

### TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Sekys
2. Ankel S4m
3. Rose
4. Ica
5. Fafau

### TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)

1. Wani Faizun
2. Bella Khan
3. Danish Mbekz
4. Babaglowup
5. Piqa Rashid

### TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Shabina
2. Sonic Webs
3. Warn
4. Forepppp
5. High-Zoom





## Astro Angkat Naskhah Tempatan! Kempen Hello Inilah Kita: Home Of Drama Berlangsung Meriah

Sebagai peneraju kandungan tempatan, Astro terus menunjukkan sokongannya terhadap naskhah hebat anak seni negara menerusi kempen Hello Inilah Kita: Home of Drama.

Kempen yang berlangsung meriah di Pavilion Kuala Lumpur selaku rakan pentas dan penaja lokasi rasmi diadakan bersempena dengan sambutan bulan Kemerdekaan ke-68.

Inisiatif ini dilakukan bagi meraikan naskhah tempatan pelbagai bahasa dan budaya di Malaysia.

Antara naskhah yang mencuri perhatian ialah Thariq Ridzuwan: His Treasure, sebuah karya yang mengangkat semangat perpaduan serta perjuangan anggota keselamatan negara.

Selain itu, drama Mandul Bukan Pilihan juga menjadi antara yang paling popular dalam kalangan mereka yang hadir pada acara tersebut.

Kempen Hello Inilah Kita: Home of Drama ini juga turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran para pelakon popular antaranya Meerqueen, Qasrina Karim, Hun Haqeeem, Mira Filzah dan ramai lagi.

Turut diserikan lagi dengan persembahan daripada penyanyi popular antaranya kumpulan Alpha, Nadeera Zaini dan Wani Kayrie.

Manakala untuk hari kedua dihadiri oleh pelakon Astro Originals, Step Dave, barisan penyanyi popular GV seperti Suki Low, Nikki Palikat, Hael Husaini dan ramai lagi.

Kempen Hello Inilah Kita: Home of Drama ini berlangsung selama dua hari, dan melabuhkan tirainya pada malam Ahad.

Inisiatif istimewa ini yang mendapat sambutan hangat daripada peminat tempatan turut menjadi kesinambungan kepada showcase pertama yang diadakan pada 7 Ogos lalu.



## Panggung Purnama Jadi Reunion Manis Fugo, Bilal Indrajaya & Pamungkas

Konsert Panggung Purnama pada 28 September 2025 di Zepp Kuala Lumpur bakal mempertemukan semula kumpulan Fugo, Bilal Indrajaya dan Pamungkas dalam sebuah 'mini reunion' selepas pernah berkongsi pentas tahun lalu.

Fugo, wakil tunggal Malaysia, menjanjikan persembahan lebih istimewa dengan lagu-lagu baharu yang belum pernah dipentaskan, manakala Pamungkas teruja kerana buat pertama kali bakal membawakan single terbarunya, Sambung. Penyanyi Indonesia itu menyifatkan keterlibatannya kali ini berasaskan nilai sentimental terhadap peminat Malaysia, bukan sekadar bayaran.

Penganjur, UdaraLaskhar, yakin gabungan tiga nama ini akan memberi tarikan unik kerana masing-masing mempunyai kelompok peminat tersendiri. Tambahan pula, jualan tiket menunjukkan sambutan positif.

Tiket berharga RM179 (Bintang), RM199 (Langit), RM239 (Bumi), RM249 (Awan) dan RM399 (Purnama) boleh didapati di [lassotickets.com](http://lassotickets.com).

## AirAsia Hausboom Festival 2025 Akan Berlangsung Dua Hari! 33 Artis Lokal & Antarabangsa Bakal Buat Persembahan

Hausboom sekali lagi membuktikan kemampuan mereka apabila mengumumkan penganjuran festival muzik dan gaya hidup tahunan terbesar yang kini kembali dengan konsep baharu, Paint the Town Rediaitu AirAsia Hausboom Festival 2025 dikuasakan oleh Hotlink.

Tahun ini, AirAsia tampil sebagai rakan utama dengan pengalaman menyeluruh yang menggabungkan hiburan, gaya hidup dan pelbagai kejutan eksklusif untuk para pengunjung.

Kolaborasi bersama AirAsia ini tentunya menjadikan festival kali ini lebih daripada sekadar festival muzik.

Seramai 33 artis yang bakal membuat persembahan iaitu Datuk M. Nasir, Datuk Jamal Abdillah, Ella, Noh Salleh & Restoe Iboe Band, Bunkface, Samsons, Dolla, K-Clique, Spider, Slam, Def-Gab-C, 6ixth Sense, Insomniacks, Kunto Aji, Bernadya, Feby Putri, Nadhif Basalamah, Ghea -

Indrawar, Salammusik, Gerhana Skacinta, Lucidrari, No Good, LOKO, Benzooloo, Johny Comes Lately, Margasatwa, Empty Page, Slatan, FUGO, TT.13, Spooky Wet Dreams, The Rudean dan DJ Fuzz

Tiket untuk AirAsia Hausboom Festival 2025 kini sudah mula dijual dengan harga bermula RM119 (General Admission), RM299 (Rockzone) dan RM1,200 (VVIP).

Menariknya, pas VVIP menawarkan pengalaman eksklusif termasuk premium view deck, hidangan serta minuman percuma tanpa had, tandas peribadi dan laluan ekspres.

Bagi yang berminat, tiket boleh didapati di [sayalive.io/hausboomfestival2025](http://sayalive.io/hausboomfestival2025). AirAsia Hausboom Festival 2025 dikuasakan oleh Hotlink ini akan berlangsung di MAEPS, Serdang pada 11 dan 12 Oktober ini.





## Tun Laila

@beyarafaee ✓

### Jadi Saksi Kes Jenayah? Elak Lakukan Perkara ini

Mungkin ramai antara kita tidak tahu, sekiranya dipanggil sebagai saksi kes jenayah ada perkara penting yang perlu dijaga.

Meskipun perkara ini nampak kecil namun melakukan kesilapan ini boleh menyebabkan keterangan seseorang diragui di mahkamah.

Menurut pempengaruhi, Tun Laila sekiranya ada antara anda dipanggil untuk menjadi saksi kes jenayah anda tidak boleh dilihat berjumpa dengan pendakwa raya (DPP) di luar mahkamah.

Katanya, perkara itu boleh menimbulkan tanggapan saksi telah diajar untuk memberi keterangan palsu.

"Saksi untuk apa-apa kes jenayah, tidak kisah pecah rumah, curi motor atau pukul sekali pun tidak boleh. Anda tidak boleh keluar ataupun dilihat bersama pihak pendakwa raya.

"Sebab ini adalah untuk mengelakkan coaching of witness. What is coaching of witness? Ianya adalah di mana pendakwa raya iaitu DPP ataupun peguam mengajar saksi untuk menipu dalam mahkamah.

"Kalau korang dalam mahkamah, anda akan nampak saksi kena menjawab direct kepada hakim. Bila sesuatu kes itu dah selesai di mahkamah bicara, ada possibility kan untuk dirayu ke mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan," katanya.

Bagaimanapun, menurut Tun Laila, jika anda yang dituduh ianya tidak menjadi masalah untuk anda bertemu dengan peguam anda.


Ini kerana tugas pendakwa raya berbeza dengan peguam bela.

"Dia berbeza dengan peguam kalau adik anda sendiri yang kena tuduh.

"Anda ada connection dengan anak guam anda, tak apa. Sebab peguam bela memang nak kena tahu semua cerita mengenai kes tersebut."

Tun Laila turut mengingatkan bahawa peraturan ini kekal sama walaupun kes sudah selesai di mahkamah bicara atau selepas rayuan pertama.

"Pendek kata, kalau anda saksi kes jenayah, jangan sekali-kali dilihat bersama DPP. Itu boleh timbulkan masalah besar," tegasnya.





## RM100 SARA, Free Credit For All Malaysians 18+

The RM100 SARA aid is free money given by the government to all Malaysians aged 18 and above. The money will be added straight to your MyKad starting 31 August 2025, and you can use it until 31 December 2025. You don't need to apply—just check your status at [sara.gov.my](https://sara.gov.my) by entering your IC number.

The aid can only be used at over 7,300 MyKasih shops like supermarkets and grocery stores, and only for basic items such as rice, eggs, noodles, cooking oil, canned food, hygiene products, medicine and school supplies. To pay, show your MyKad at the counter and key in your PIN.

You can also use the MyKasih app to see your balance and the list of shops. Remember, the RM100 must be used before the end of December 2025.



## Inside Scoop Drops 6 Lokal Legends Flavours

Inside Scoop's Lokal Legends 2025 is a limited ice cream series made with six famous Malaysian brands. The flavours are Twiggies Choc-A-Lot, GSC Caramel Popcorn, Julie's Le-mond Lemon, Beryl's Gula Melaka Chocolate, ZUS Spanish Latté, and Farm Fresh Choco Malt Kaw.

Each one mixes local snacks and drinks into fun new ice creams, with colourful brand-inspired packaging.

They are sold at all Inside Scoop outlets from 18 August to 21 September 2025, and you can buy them by scoop or get all six in the Lokal Legends Party Pack for RM68.



## Siti Featured In Grade 9 Textbook Philippines

A Filipino Grade 9 textbook now includes a full-page feature on Malaysia's superstar Siti Nurhaliza, titled 'Siti Nurhaliza: The Golden Voice and Heart of Asia'.

It highlights her rise to fame—especially her 2002 win at the Voice of Asia contest that earned her the 'Voice of Asia' title when she was just 23.

The news quickly sparked pride in Malaysians online, with many applauding her global recognition—and some even joking that the Philippines must take singing education very seriously to include her in their curriculum.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com).